KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **24 JUN 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Rayuan sektor pengangkutan sertai SKDS diselaras

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang ini menyelaras rayuan sektor pengangkutan tertentu yang ingin menyertai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), untuk dibawa kepada jawatankuasa rayuan membabitkan pelbagai kementerian dan agensi.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata perkara itu seterusnya akan dibangkitkan untuk pertimbangan mesyuarat Jemaah Menteri.

Beliau berkata, permohonan lanjutan SKDS yang meliputi 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan, akan diberikan kelulusan serta-merta.

"Permohonan boleh dibuat melalui pautan https://mysubsidi.kpdn.gov.my/ dan surat kelulusan akan dikeluarkan serta-merta untuk membolehkan syarikat pengangkutan yang berjaya terus membuat permohonan 'fleet card' kepada syarikat minyak pilihan melalui sistem itu.

"Proses permohonan adalah mudah serta cepat kerana syarikat hanya perlu mengisi maklumat terhad dan pengesahan boleh dibuat segera melalui integrasi dengan sistem Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Justeru, Armizan berkata, syarikat tersenarai dalam 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan yang berkelayakan, disaran membuat permohonan segera.

"Kelulusan yang diperoleh hingga 30 Jun ini akan membolehkan syarikat pengangkutan memohon bayaran tuntutan balik kadar perbelanjaan atas harga sebelah, melalui bukti resit pembelian sehingga syarikat pengangkutan menerima 'fleet card' daripada syarikat minyak pilihan," katanya.

> "Syarikat tersenarai dalam 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan yang layak, disaran membuat permohonan segera"
>
> *Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*



## Bayaran balik mulai Julai

Sebelum ini kenyataan Kementerian Kewangan (MoF) pada 12 Jun lalu, bayaran tuntutan balik akan dilaksanakan mulai Julai depan bagi mereka yang mendaftar dan mendapat kelulusan SKDS hingga 30 Jun ini.

Prosedur permohonan tuntutan dan secara pembayaran balik akan dimaklumkan oleh MoF dalam masa terdekat.

Armizan menjelaskan sekiranya berlaku penyalahgunaan 'fleet card' oleh pihak tidak bertanggungjawab, KPDN tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas termasuk menarik balik kelulusannya.

Beliau berkata, KPDN juga mengingatkan kepada semua peniaga, terutama mereka yang menerima kemudahan subsidi diesel melalui 'fleet card', supaya tidak menaikkan harga dengan memberi alasan penetapan harga baharu diesel sebagai punca kenaikan harga barangan ataupun perkhidmatan mereka.

Setakat jam 8 pagi semalam, jumlah kenderaan pengangkutan awam dan yang diluluskan subsidi diesel bawah SKDS ialah sebanyak 226,967 membabitkan 75,541 syarikat. BERNAMA

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 15

# Hadapi 116 pertuduhan kes beli 2.64 juta liter diesel

**Kota Bharu:** Pemilik syarikat pemborong diesel didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas 116 pertuduhan gagal menyelenggarakan dokumen berhubung pembelian diesel dan menyelenggara buku stok membabitkan 2.64 juta liter diesel bernilai lebih RM10 juta pada Disember 2022.

Tertuduh, Mohd Farod Ramli, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan pertama hingga 38, tertuduh iaitu pemilik perniagaan Wan Beremas Enterprise iaitu pemegang lesen pemborong diesel didakwa gagal mengemukakan dokumen dan maklumat dikehendaki Penolong Pengawal Bekalan berhubung pembelian diesel untuk tujuan eksport.

Kesalahan itu dilakukan jam 12.30 tengah hari di sebuah premis di Jalan Sultan Omar, Kampung Chepa pada 18 Disember 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 8(1)(a) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) akta yang sama.

Bagi pertuduhan 39 hingga 116, tertuduh didakwa gagal menyelenggara buku stok diesel yang tidak mengandungi maklumat tarikh, kuantiti, harga, nama dan alamat penjual atau pembeli bagi penjualan barang berjadual iaitu diesel untuk tujuan eksport di lokasi dan tarikh yang sama.

Tertuduh didakwa mengikut Peraturan 13(3) Peraturan Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan yang sama dan boleh dihukum mengikut



Mohd Farod hadir ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Bagi semua pertuduhan berkenaan, tertuduh boleh didenda hingga RM1 juta atau penjara hingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Mohd Sophian Zakaria dan Suhana Mohd manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Sukri Mohamed.

Terdahulu, Mohd Sophian memohon jaminan RM100,000 dikenakan bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin selain pasport diserahkan kepada mahkamah serta perlu melapor diri di pejabat KPDN setiap bulan.

"Kes ini membabitkan 116 pertuduhan yang menjadi kepentingan awam. Nilai keseluruhan diesel adalah sebanyak 2,641,940 juta liter diesel membabitkan nilai lebih RM10 juta," katanya.

Sukri pula memaklumkan pihaknya tidak membantah dengan syarat yang dikenakan namun memohon anak guamnya dapat melapor diri di KPDN Putrajaya.

Mahkamah kemudian menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin serta syarat yang dimohon pihak pendakwa. Mahkamah turut menetapkan 18 Julai sebagai tarikh pengurusan kes.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 9

# 116 pertuduhan gagal kemuka dokumen beli diesel

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@mediamulia.com.my



MOHD. Fared Ramli (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam untuk berdepan 116 pertuduhan berkaitan pembelian diesel. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

**KOTA BHARU:** Seorang pemilik syarikat pembekalan diesel didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 116 pertuduhan gagal mengemukakan dokumen dan maklumat diperlukan berhubung pembelian diesel, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Fared Ramli,36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan kira-kira 20 minit di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan pertama sehingga 58, tertuduh selaku pemilik perniagaan sebuah syarikat iaitu pemegang lesen borong barang kawalan berjadual iaitu minyak diesel didakwa gagal mengemukakan maklumat berkaitan dokumen pembelian bahan api itu untuk tujuan eksport yang dikehendaki Penolong Pengawal Bekalan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Jalan Sultan Omar, Kampung Chepa di sini kira-kira pukul 12.30 tengah hari pada 18 Disember 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 8(4)(a) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ke-59 hingga 116, Mohd. Fared didakwa gagal menyelenggara buku stok diesel yang tidak mengandungi maklumat tarikh,kuantiti, harga, nama dan alamat penjual atau pembeli bagi penjualan barang berjadual iaitu diesel untuk tujuan eksport di lokasi dan tarikh yang sama.

Tertuduh didakwa mengikut Peraturan 13 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan yang sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Mohd. Sophian Zakaria dan Suhana Mohd. manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Sukri Mohamed.

Terdahulu, Mohd. Sophian memohon jaminan sebanyak RM100,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di pejabat KPDN Kota Bharu setiap bulan.

"Kes ini melibatkan 116 pertuduhan dan membabitkan diesel yang menjadi kepentingan awam. Nilai keseluruhan invois sebanyak lebih 2.64 juta liter diesel dengan nilai lebih RM10 juta," katanya.

Sukri dalam rayuannya tidak membantah syarat yang dikenakan, namun memohon agar anak guamnya dapat melapor diri KPDN di Putrajaya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan yang dipohon pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 23 Julai depan untuk pengurusan kes. Tertuduh membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 16

Masyarakat Orang Asli resah beberapa keperluan harian naik harga

# Rasa terbeban ke kedai runcit

Oleh AIMUNI TUAN LAH



KETUA Pegawai Penguat Kuasa KPDN Gua Musang, Mohd. Koma Shapil (kiri) menyampaikan barangan makanan asas pada Program Klinik Kepenggunaan Bersama Masyarakat Orang Asli di Pos Tuel, Gua Musang semalam.

**GUA MUSANG** – Masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar di Pos Tuel di sini berdepan masalah harga makanan asas yang dijual pada harga tinggi di kawasan perkampungan mereka.

Seorang penduduk Orang Asli, Ramli Angah, 45, berkata, masyarakat Orang Asli mendakwa terbeban apabila beras import dijual melebihi harga RM40 sekilogram dan telur dijual pada harga 50 sen hingga 70 sen sebiji.

Katanya, selain itu barangan seperti gula dan minyak masak juga dijual melebihi harga kedai runcit biasa di kawasan terbabit.

"Kami penduduk Orang Asli memang terkesan dengan harga barang makanan asas yang dijual mahal kerana kami hanya mendapat wang hasil daripada menoreh getah dan bercucuk tanam.

"Keluarga saya menggunakan sekurang-kurangnya empat kampit beras 10 kilogram sebulan. Saya perlu menyediakan wang RM200 untuk beras sahaja setiap bulan," katanya.

Seorang suri rumah, Rohani Alang, 31, mendakwa, kos perbelanjaan isi rumahnya semakin meningkat sejak penyasaran subsidi diesel bermula dua minggu lalu.

Katanya, ada peniaga bertindak menaikkan harga barang kerana terpaksa menanggung kos pengangkutan untuk keluar membeli barang jualan mereka.

"Sebelum kenaikan harga diesel, membelanjakan kira-kira RM80 untuk membeli barang keperluan asas setiap minggu. Sejak kenaikan harga diesel perbelanjaan meningkat sehingga lebih RM100.

"Kami berharap agensi penguat kuasa membuat pemantauan harga secara berkala di kampung kami," katanya ketika ditemui pada Program Klinik Kepenggunaan Bersama Masyarakat Orang Asli di Pos Tuel di sini semalam.

Program itu anjuran Gerakan Pengguna Negeri Kelantan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan dan Gerakan Pengguna Siswa UiTM Machang.

Pada program itu, seramai 300 Ketua Isi Rumah Orang Asli menerima manfaat termasuklah meningkatkan kesedaran mereka terhadap isu-isu semasa kepenggunaan.

Sementara itu, Penghulu Pos Tuel, Halim Sharif memberitahu, dia banyak menerima rungutan daripada penduduk Orang Asli berkaitan harga beras dan telur yang dijual lebih tinggi berbanding di kawasan bandar.

Katanya, dia berharap agensi berwajib seperti KPDN dapat membuat pemantauan secara kerap di perkampungan mereka untuk mengesan peniaga yang mencatut harga.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 1




UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 19



MOHD Fared (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas 116 pertuduhan gagal mengemukakan dokumen berhubung pembelian diesel dan menyelenggara buku stok diesel membabitkan 2.64 juta liter diesel bernilai lebih RM10 juta pada Disember 2022.

# Beli diesel RM10j tapi tiada dokumen

## *Pemilik syarikat pemborong diesel berdepan 116 pertuduhan*

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

**2.64j liter**
jumlah pembelian bahan api

**Kota Bharu**

Seorang pemilik syarikat pemborong diesel mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas 116 pertuduhan gagal mengemukakan dokumen berhubung pembelian diesel dan menyelenggara buku stok membabitkan 2.64 juta liter diesel bernilai lebih RM10 juta pada Disember 2022.

Tertuduh, Mohd Fared Ramli, 36, membuat pengakuan berkenaan selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan pertama sehingga 58, tertuduh iaitu pemilik perniagaan Wau Beremas Enterprise iaitu pemegang lesen pemborong diesel didakwa gagal mengemukakan dokumen dan maklumat dikehendaki Penolong Pengawal Bekalan berhubung pembelian diesel untuk tujuan eksport.

Kesalahan itu didakwa dilakukan jam 12.30 tengah hari di sebuah premis di Jalan Sultan Omar, Kampung Chepa pada 18 Disember 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 8(4)(a) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) akta yang sama.

Manakala bagi pertuduhan 59 hingga 116, tertuduh didakwa gagal menyelenggara buku stok diesel yang tidak mengandungi maklumat tarikh, kuantiti, harga, nama dan alamat penjual atau pembeli bagi penjualan barang berjadual iaitu diesel untuk tujuan eksport di lokasi dan tarikh yang sama.

Tertuduh didakwa mengikut Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang juga suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Perturan-Peraturan yang sama dan boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Bagi kesemua pertuduhan, tertuduh boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Mohd Sophian Zakaria dan Suhana Mohd, manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Sukri Mohamed.

Terdahulu, Mohd Sophian memohon jaminan sebanyak RM100,000 dikenakan bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin selain pasport diserahkan kepada mahkamah serta perlu melapor diri di pejabat KPDN setiap bulan.

"Kes ini membabitkan 116 pertuduhan yang menjadi kepentingan awam. Nilai keseluruhan invois adalah sebanyak 2,641,940 juta liter diesel membabitkan nilai lebih RM10 juta," katanya

Sementara itu, Sukri memaklumkan beliau tidak membantah dengan syarat yang dikenakan, namun memohon anak guamnya dapat melaporkan diri di KPDN Putrajaya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin serta syarat-syarat yang dimohon pihak pendakwaan.

Mahkamah turut menetapkan 23 Julai depan sebagai tarikh pengurusan kes.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 6

# Kelulusan serta-merta permohonan lengkap SKDS

**SHAH ALAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memberikan kelulusan serta-merta bagi permohonan lengkap Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) yang meliputi 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, susulan itu syarikat yang berkenaan disarankan untuk segera membuat permohonan tersebut bagi memudahkan mereka mendapatkan kad *fleet*.



ARMIZAN

Katanya, proses permohonan adalah mudah dan cepat kerana syarikat hanya perlu mengisi maklumat terhad dan pengesahan boleh dibuat segera melalui integrasi dengan sistem Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Permohonan tersebut boleh dibuat melalui pautan *https://mysubsidi.kpdn.gov.my/* dan surat kelulusan akan dikeluarkan serta-merta untuk membolehkan syarikat pengangkutan yang berjaya terus membuat permohonan kad *fleet* kepada syarikat-syarikat minyak pilihan melalui sistem sama.

"Kelulusan yang diperoleh sehingga 30 Jun 2024 membolehkan syarikat pengangkutan memohon bayaran tuntutan balik kadar perbelanjaan atas harga subsidi melalui bukti resit pembelian sehingga syarikat pengangkutan menerima kad *fleet* daripada syarikat-syarikat minyak pilihan," ujarnya dalam kenyataan.

Dalam masa sama, KPDN ingin mengingatkan semua syarikat agar tidak menyalahgunakan kad *fleet* bagi tujuan selain daripada syarat kelayakan permohonan kenderaan yang telah diluluskan.

Menurut Armizan, tindakan tegas akan diambil termasuk menarik balik kelulusan kad *fleet* kenderaan terbabit jika kemudahan itu disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Setakat jam 8 pagi hari ini (Ahad) jumlah keseluruhan kenderaan pengangkutan awam dan barangan yang diluluskan subsidi diesel di bawah SKDS ialah sebanyak 226,957 melibatkan 75,541 syarikat.

"KPDN juga sedang menyelaraskan rayuan-rayuan sektor pengangkutan tertentu yang ingin menyertai SKDS untuk dibawa kepada Jawatankuasa Rayuan yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri," ujar beliau.

Penyasaran semula subsidi diesel diumumkan oleh kerajaan pada 9 Jun lalu yang menyaksikan harga baharu RM3.35 seliter.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 26

# Pemborong berdepan 116 pertuduhan bekalan diesel

## Tertuduh gagal mengemukakan dokumen dan selenggara buku stok

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Seorang pemborong diesel mengaku tidak bersalah terhadap 116 pertuduhan gagal mengemukakan dokumen dan menyelenggara buku stok diesel dalam pembelian bernilai lebih RM10 juta di Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad.

Tertuduh yang juga pemegang lesen borong diesel, Mohd Fared Ramli, 36, didakwa bagi pertuduhan pertama sehingga pertuduhan 58 iaitu gagal mengemukakan dokumen dan maklumat dikehendaki Penolong Pengawal Bekalan di bawah Seksyen 8(1)(a) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) berhubung pembelian diesel untuk tujuan eksport berjumlah 2.64 juta liter.

Bagi pertuduhan 59 hingga 116, Mohd Fared dituduh gagal menyelenggara buku stok diesel yang tidak mengandungi maklumat tarikh, harga, nama dan alamat penjual atau pembeli bagi penjualan diesel untuk tujuan sama.


Mohd Fared (kiri) tiba di Mahkamah Sesyen Kota Bharu.

Mohd Fared didakwa melakukan semua kesalahan itu di sebuah premis di Jalan Sultan Omar Kampung Chepa, Kubang Kerian, jam 12.30 tengah hari pada 18 Disember 2022.

Dia didakwa melanggar Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Mohd Sophian Zakaria dan Suhana Mohd di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Sukri Mohamed.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin warga tempatan dan pasport diserahkan kepada mahkamah selain perlu melapor diri setiap bulan di Ibu Pejabat KPDN Putrajaya.

Mahkamah juga membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk semua pertuduhan dibicarakan serentak dan menetapkan 23 Julai sebagai tarikh sebutan semula kes berkenaan.




UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 8

FLEET CARD

# CABINET TO CONSIDER DIESEL AID APPEALS

## Ministry coordinating appeals from transport sectors, says Armizan

PUTRAJAYA

THE Domestic Trade and Cost of Living Ministry is coordinating appeals from certain transport sectors that want to participate in the Subsidised Diesel Control System (SKDS) to be forwarded to the appeals committee.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the matter would be taken to the cabinet for consideration.

He said immediate approval would be given to complete applications, covering 33 types of public land transport and goods.

The application can be made at https://mysubsidi.kpdn.gov.my/ and the approval letter will be issued immediately for the transport companies to apply for the fleet card through the same system.

Armizan said: "The company only needs to fill up limited information and get immediate confirmation from the Road Transport Department system."

He urged companies on the list of the 33 types of public land transport and qualified goods for SKDS to apply immediately.

"For approvals obtained before June 30, transport companies are to apply for reimbursement of expenditure rates on subsidy prices through proof of purchase receipts until they receive the fleet cards from petrol companies."

Based on a statement issued by the Finance Ministry on June 12, refund payments will be implemented from next month for those who registered and received the SKDS approval before and on June 30, with the claim application and reimbursement procedures to be notified later.

Armizan said the ministry would take strict action against those who misused the fleet card.

He said the ministry also insisted that dealers, especially those who receive diesel subsidies through the fleet card, do not raise prices following the setting of the new diesel price. **Bernama**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 1

# CAP: Enforce price-tag rule strictly

**Association chief says recent survey across Penang shows widespread non-compliance among traders, including food and beverage stalls, wet markets, night markets, restaurants, and retail shops.**



The mandatory price tags are noticeably absent at wet market stalls. – ADIB RAWI YAHYA/THE SUN

Report on page 4

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 2

# Ministry coordinating appeals for diesel subsidy

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is coordinating appeals from certain transport sectors that want to participate in the Subsidised Diesel Control System for submission to the Appeals Committee, said its minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the matter would then be brought to the Cabinet meeting for consideration, and immediate approval would be given to applications that are complete, covering 33 types of public land transport and goods.

The application can be made at https://mysubsidi.kpdn.gov.my/ and the approval letter will be issued immediately to allow successful transport companies to apply for fleet cards through the same system, he added.

"The application process is easy and fast because a company only needs to fill in limited information and the confirmation can be made immediately through integration with the Road Transport Department system," he said in a statement yesterday.

He urged companies on the list of the 33 types of public land transport and qualified goods for Subsidised Diesel Control System to apply immediately.

"For approvals obtained before June 30, the transport companies are to apply for reimbursement of expenditure on subsidy prices through proof-of-purchase receipts until they receive the fleet cards from the selected oil companies."

Based on a statement issued by the Finance Ministry on June 12, refund payments would be implemented from July 2024 for those who register and receive the Subsidised Diesel Control System approval before June 30, with the claim application and reimbursement procedures to be notified later.

Armizan said in the event of misuse of fleet cards, the ministry will not hesitate to take strict action, including withdrawing the approval for the cards.

He said the ministry insists that all dealers, especially those who receive diesel subsidy facilities through the fleet card, do not raise prices following the setting of the new diesel price.

As of 8am yesterday, the total number of public transport vehicles and goods approved for diesel subsidy under the system is 226,957 involving 73,541 companies. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 4

# Traders still non-compliant over displaying price tags

BY SIVANISVARRY MORHAN
*newsdesk@thesundaily.com*

**Ministry urged to strictly enforce regulations and prosecute offenders to protect consumer rights and maintain fair trading practices**

**PETALING JAYA:** The Consumers' Association of Penang (CAP) has urged the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to strictly enforce Section 8(1) of the Price Control Act 1946 (Amendment 1973), which mandates that traders display price tags on their goods.

Its president Mohideen Abdul Kader said a recent survey across the state revealed the widespread non-compliance of traders in displaying price tags.

"They included food stalls, wet markets, night markets, restaurants and retail shops. The primary violation was the absence of visible price tags at food and beverage stalls.

"This was followed by restaurants either not updating prices or providing customers with misleading information. This lack of transparency often led to them being overcharged."

Mohideen said the absence of documented price lists to refer to caused disputes when bills were handed to customers.

He said the impact of the recent diesel price hike had also raised food costs and underscored the need for consumers to be well-informed about prices before purchasing food items.

While the Price Control Act stipulates that it is the seller's responsibility to ensure transparency in pricing, he said the inconsistent enforcement has compromised its effectiveness.

"We made a similar call last August, but it did not receive an adequate response. CAP wishes to reiterate the importance of addressing this issue and is seeking an update on what action the authorities are taking regarding the matter."

Mohideen stressed that there is a need for stricter enforcement and prosecution of offenders to protect consumer rights and maintain fair trading practices.

The ministry's head of corporate communications Jaafar Jantan confirmed with *theSun* that it has not issued any official statement regarding CAP's repeated calls for enforcement of the Price Control Act 1946.

However, he said Minister Datuk Armizan Mohd Ali has constantly reminded retailers and business owners about the importance of price tagging, especially during festive seasons when price controls are announced.

"The ministry is committed to ensuring that retailers and business owners adhere to the price tagging law and not charge unreasonably high prices."

The ministry said price tag enforcement regulations have been in place since 1977 and initially covered 111 selected items under the Price Control Order (Indication of Price by Retailer) 1977 (Revised 1993) to encompass all retail goods.

Retailers at sundry shops, markets, hypermarkets, kiosks, sports shops, goldsmith stores and boutiques are required to display price tags on each item or provide a clear price list if tagging individual items is impractical.

Price tags must be in Bahasa Malaysia, with translations if necessary, and prices should be visible and stated in ringgit.

Consumers can access price information at all times and report instances of non-compliance, which can lead to significant fines and penalties.

Individuals may face fines of up to RM50,000 or two years jail, while corporations could be fined up to RM100,000. The ministry also assured the public of prompt investigation on all consumer complaints.

Those who wish to lodge complaints to the ministry can do so through the following channels: WhatsApp at 019-848 8000 or 019-279 4317, the call centre at 1-800-886-800 or the ministry's enforcement command center at 03-8882 6245/6088.

They can also log on to the Ez ADU KPDN smartphone app or visit the e-Aduan KPDN portal at eaduan.kpdn.gov.my

The ministry said complainants should include specific details such as the location or address of the retail outlet, date of transaction, nature of the offence and any other relevant information.

"Such details are important as they will assist the ministry's enforcement officers to take prompt action and bring the errant retailers to book," said Jaafar.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: ISNIN
TARIKH: 24/6/2024
M/SURAT: 5

# Man claims trial over unlawful diesel purchase

**KOTA BHARU:** A wholesaler pleaded not guilty in the Sessions Court here yesterday to 116 counts of failing to submit documents on his diesel purchase worth more than RM10 million for export and not maintaining a record of the diesel stock.

Mohd Fared Ramli, 36, the proprietor of Wau Beremas Enterprise, made the plea after the charges were read before Judge Zulkifli Abllah. He was charged with committing all the offences at a premises in Jalan Sultan Omar, Kubang Kerian at 12.30 pm on Dec 18, 2022.

